

Telefon bimbitancam kesihatan pengguna

Mengikut statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Malaysia telah mengatasi beberapa negara maju dari segi pemilikan telefon selular dengan mencatatkan penggunaan 119.2 telefon bimbit bagi setiap 100 penduduk.

Ini kerana telefon bimbit adalah kemudahan era moden dalam masyarakat kita. Namun, inovasi canggih ini mengancam kesihatan manusia akibat terdedah kepada pelbagai bentuk sinaran setiap hari.

Penggunaan telefon bimbit kian meningkat dan mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda terutama golongan remaja. Penggunaan yang berleluasa ini bermaksud pendedahan terhadap sinaran electromagnet (EMF) yang belum pernah berlaku dahulu. Anggaran meletakkan pendedahan terhadap sinaran EMF adalah lebih tinggi daripada beberapa dekad lalu.

Ubah aktiviti sel otak

Mengikut saintis dari Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH) berbul menggunakan telefon bimbit dalam tempoh 60 minit sudah cukup untuk mengubah aktiviti sel dalam bahagian otak kerana ia berada paling hampir dengan antena gajet tersebut. Namun, kajian itu masih belum jelas sama ada ia mendatangkan kesan buruk atau sebaliknya.

“Apa yang kami tunjukkan adalah peningkatan metabolisme glukosa iaitu satu aktiviti otak pada individu yang terdedah terlalu lama kepada telefon bimbit di bahagian otak paling dekat dengan antena,” kata Dr Nora Volkow daripada NIH dalam kajiannya yang disiarkan dalam Jurnal Pertubuhan Peru-



Penggunaan telefon bimbit kian mendapat tempat dalam kalangan generasi muda. [GAMBAR HIASAN]

batan Amerika.

Kesan penggunaan telefon bimbit yang terlalu lama boleh menyebabkan masalah yang akan timbul dalam jangka panjang.

Pada tahun 2012, seorang ahli perniagaan Itali, Innocente Marcolini, 60, telah mengalami lumpuh sebelah wajah selepas menggunakan telefon bimbit sehingga enam jam sehari sepanjang tempoh 12 tahun. Marcolini biasa menggunakan telefon bimbit semasa berurusan dengan pelanggan di China dan di tempat lain di luar negara.

Kes Marcolini ini adalah salah satu kesan buruk penggunaan telefon bimbit terhadap manusia. Mengikut kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik, sinaran frekuensi radio daripada antena telefon bimbit menyebabkan kerosakan genetik dalam darah manusia, sementara satu kajian kes lagi mendapati peningkatan statistik yang signifikan bagi tumor otak neuro-epitelium dalam kalangan pengguna telefon bimbit.

Kesan daripada frekuensi radio itu menyebabkan telefon men-

gunakan telefon bimbit semasa mengandung berkeungkinan melahirkan anak yang hiperaktif. Mereka percaya radiasi dari telefon bimbit menjejaskan perkembangan otak bayi dalam kandungan.

Penyelidik dari Universiti Yale, Amerika Syarikat (AS) mendedahkan radiasi telefon bimbit ketika hamil boleh menjejaskan perkembangan otak janin dengan risiko janin hiperaktif sehingga 30 peratus, ketakutan dan rendah daya ingatan.

Bayi mungkin terjejas

Hal ini mungkin berlaku kepada kanak-kanak yang mempunyai tengkorak yang nipis, otak lebih kecil, tisu otak lebih lembut dan sel berkembang dengan lebih cepat adalah antara akibat buruk hasil penggunaan telefon bimbit berbanding orang dewasa. Jadi, bayi dalam kandungan mungkin juga mengalami risiko yang sama, malah lebih besar lagi.

Malah, mengikut saintis dari Kanada, risiko golongan remaja dan kanak-kanak yang mula menggunakan telefon bimbit sebelum usia 20 tahun untuk menghidap tumor malignat otak melonjak sehingga lima kali ganda berbanding dewasa.

Sakit kepala, pening dan hilang tumpuan juga mudah menyerang kepada pengguna yang berusia 30 tahun ke bawah, yang mana mereka boleh merasa kesan sampingannya apabila menggunakan telefon bimbit terlalu lama atau kerap.

Namun, penggunaan telefon bimbit tidak dapat dihentikan kerana ia adalah medium penting untuk berkomunikasi.

Amira Nur Syafiqah Mohammad
Universiti Sains Islam Malaysia

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

jadi hangat dan penggunaanya mengalami tanda-tanda kelesuan, sakit kepala, kebas dan kehilangan ingatan. Selain itu, ia juga boleh merosakkan sel darah dengan meningkatkan tekanan sesama mereka serta mengancam sel-sel badan dan merosakkan DNA.

Mengikut akhbar *The Sun*, saintis mendakwa wanita yang